

REPEALED BY ACT 476



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 219

AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) 1979

Malaysia.


(1) Tertaklak kepada seksyen 2, Akta ini hendaklah dibaca dan diisytiharkan bersama-sama dengan undang-undang duti harta pesaka yang berkaitan.

2. (1) Dalam Akta ini melainkankan jika kandungan nyonya talian mengandungi maklumat yang lain.

(2) "anak" bermaksud anak angkat dan anak yang diambil sebagai anak angkat mengikut mana-mana undang-undang berkaitan dengan anak angkat dan anak angkat yang dipakar bagi ibu atau bapa angkat.

(3) "anak" termasuklah semua anak yang sesetengah yang diwujudkan beristari lebih daripada satu menurut undang-undang dirinya.

(4) "undang-undang duti harta pesaka" bermaksud undang-undang yang berkaitan dengan duti harta pesaka yang ditetapkan oleh kerajaan atau kerajaan negeri.



Tarikh Persetujuan Diraja 19hb Februari 1979

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 22hb Februari 1979

AKIS 219

AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAHA) 1979

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

3

Akta 219

AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) 1979

Suatu Akta bagi mengubah undang-undang yang berkuatkuasa berhubung dengan duti harta pesaka.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan hendaklah dipakai di seluruh Malaysia. Tajuk ringkas.

(2) Tertakluk kepada seksyen 2, Akta ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan undang-undang duti harta pesaka yang berkaitan.

2. (1) Dalam Akta ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“anak” termasuklah anak angkat dan anak yang diambil sebagai anak angkat mengikut mana-mana undang-undang berhubung dengan pengambilan anak angkat yang dipakai bagi ibu atau bapa angkat itu;

“isteri” termasuklah semua isteri bagi seseorang yang dibenarkan beristeri lebih daripada satu menurut undang-undang dirinya;

“undang-undang duti harta pesaka yang berkaitan” ertinya undang-undang berhubung dengan duti harta pesaka yang berkuatkuasa di Sabah, Sarawak atau Malaysia Barat, mengikut mana yang berkenaan.

4

(2) Tertakluk kepada seksyen-kecil (1), jika sesuatu perkataan atau perbendaharaan yang digunakan dalam Akta ini mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh mana-mana perundangan yang diberikan kepadanya oleh mana-mana kaitan, maka perkataan atau perbendaharaan itu hendaklah, dalam Akta ini, mempunyai erti yang diberi kepadanya sedemikian itu melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain.

Pengecualian dari duti akan jumlah tambahan yang kena dibayar di bawah proviso seksyen 14 Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja. 21/51.

Kadar bunga atas duti harta pesaka tertentu.

3. Berkenaan dengan seseorang yang mati pada atau selepas 1hb Ogos 1977 duti harta pesaka tidaklah kena dibayar mengenai apa-apa jumlah wang tambahan yang kena dibayar mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan di bawah proviso kepada seksyen 14 Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951 kepada mana-mana jua isteri, anak atau cucu cicit yang masih hidup masa kematian orang itu dan orang itu adalah seorang pencharum di bawah Ordinan tersebut itu.

4. (1) Berkenaan dengan harta seseorang yang mati pada atau selepas 1hb Januari 1979 bunga biasa mengikut kadar-kadar tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kenalah dibayar atas duti harta pesaka bagi sesuatu harta itu.

(2) Pemungut boleh, menurut budibicaranya, melepaskan kesemua atau mana-mana bahagian daripada bunga yang kena dibayar di bawah seksyen-kecil (1)—

- (a) jika Pemungut berpuashati bahawa adanya alasan baik untuk berbuat sedemikian itu; atau
- (b) jika perkiraan telah dibuat berkenaan dengan bayaran penuh dan terakhir akan duti harta pesaka atau mana-mana bahagian daripadanya mengikut apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan oleh Pemungut.

JADUAL

(Seksyen 4 (1))

KADAR BUNGA

Tempoh

Kadar bunga

- 1. Dalam segala hal dari tarikh kematian hingga tamatnya 30 hari dari tarikh taksiran. TIADA

KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA)

Tempoh

Kadar bunga

2. Jika duti harta pesaka atau mana-mana bahagian daripadanya tidak dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh taksiran maka dari tarikh tamatnya 30 hari itu hingga tarikh duti harta pesaka atau mana-mana bahagian daripadanya itu dibayar.

12 peratus setahun atas jumlah duti harta pesaka yang belum berbayar.

LAWS OF MALAYSIA

Act 219

ESTATE DUTY ACT 1979